



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMETAAN DAN ANALISIS JENIS PERNIAGAAN SEKITAR KAMPUS UPSI DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

ERAFARIZA BIN SAHAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SYARAT PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (GEOGRAFI) DENGAN KEPUJIAN

**JABATAN GEOGRAFI DAN ALAM SEKITAR
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SEMESTER 1 SESI 2010/2011**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

17 Oktober 2010


ERAFARIZA BIN SAHAK
D20071030247



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bismillahbirrahmaanirrahim

“DENGAN NAMA ALLAH S.W.T YANG MAHA PENGASIH DAN PENYAYANG”

Pertama sekali syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNYA dapatlah saya menyiapkan latihan ilmiah Sarjana Muda ini tepat pada waktunya. Walaupun terdapat banyak kekurangan dalam hasil penulisan ini, namun ianya telah banyak memberikan saya lebih pengetahuan dan pengalaman yang amat berguna. Latihan ilmiah ini merupakan sebahagian syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk bergraduasi sebagai penerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi) dengan kepujian.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia latihan ilmiah, Dr. Mohd Faris bin Dziauddin yang penuh kesabaran dan tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, komen, galakan, sudi berkorban masa dan tenaga meneliti setiap hasil kerja dalam penulisan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan akan sentiasa dikenang.

Jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga pada ibu tercinta, yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan dan dorongan untuk terus belajar menuntut ilmu sehingga ke peringkat ini. Buat rakan-rakan dan sahabat seperjuangan, jutaan terima kasih seadanya kerana memberikan semangat dan suntikan idea bernas dalam penulisan latihan ilmiah ini. Jutaan terima kasih buat semua.

ERAFARIZA BIN SAHAK

17 Oktober 2010.
Tanjong Malim,
Perak.





PEMETAAN DAN ANALISIS JENIS PERNIAGAAN SEKITAR KAMPUS UPSI DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

ABSTRAK

Universiti berperanan penting dalam melahirkan modal insan yang bermutu dan cendekiawan bijak pandai. Peranan universiti juga memberi pengaruh kepada sosio-ekonomi di sekitarnya. Kajian ini berkaitan pemetaan jenis-jenis perniagaan yang wujud sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI), Tanjong Malim, Perak menerusi aplikasi teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Operasi GIS menggunakan *Nearest Features* bagi mengukur jarak yang tepat dari kampus UPSI dengan setiap jenis perniagaan yang terletak dalam lokasi kajian. Faktor permintaan dan penawaran daripada penuntut dan staf UPSI serta penduduk tempatan amnya mempengaruhi letakkan sesuatu jenis perniagaan. Faktor seperti jarak, darjah ketersampaian, masa, kemudahan infrastruktur dan letakkan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI memainkan peranan penting kepada peniaga. Ini memberi kesan terhadap keuntungan setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan di bandar Tanjong Malim dan Bandar Proton yang terletak dalam kawasan kajian. Sekiranya UPSI tidak wujud, maka tidak akan timbul pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan. Kehadiran pelajar yang menuntut di UPSI telah menjana perkembangan ekonomi kepada perniagaan dan penduduk di kawasan Tanjong Malim. Oleh itu, cadangan untuk kajian akan datang diharap meneliti impak terhadap jenis perniagaan yang wujud di sekitar kampus baru di Bandar Proton dan juga di sekitar UPSI yang didiami sekarang.





MAPPING AND ANALYSIS TYPES OF BUSINESSES AROUND UPSI CAMPUS BY USING GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEMS (GIS)

ABSTRACT

Universities an important role in producing quality human capital and intellectuals. The role of universities as well as the socio-economic influence on its surroundings. This study is related to mapping the types of businesses around Sultan Abdul Jalil Shah Campus (UPSI), Tanjong Malim, Perak by using Geographic Information Systems (GIS). GIS operations using the Nearest Features for measuring the exact distance from the campus UPSI with all types of businesses located around the study area. Supply and demand factors of the UPSI students and staff and local residents put a type generally affect the business. Factors such as distance, the degree of accessibility, time and place an infrastructure of the campus UPSI businesses an important role to the business. That impact on the profitability of each business activity undertaken in the town of Tanjong Malim and Proton City is located around the study area. If UPSI does not exist, then there will arise a variety of businesses in the surrounding areas to offer goods and services. The presence of students of the UPSI has generated economic growth of the businesses and residents in Tanjong Malim. Therefore, proposals for future research are expected to examine the impact on existing businesses around the new campus in Proton City and now live in the vicinity of UPSI.



PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SINGKATAN KATA	x

ISI KANDUNGAN

BAB SATU PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Matlamat dan Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop dan Batasan Kajian	7
1.7 Organisasi Penulisan Laporan	8
BAB DUA KAJIAN LITERATUR	11
2.0 Pengenalan	11
2.1 Definisi dan Konsep	12
2.1.1 Definisi Perniagaan	12
2.1.2 Pengenalan Sistem Maklumat Geografi (GIS)	13
2.1.3 Komponen Sistem Maklumat Geografi (GIS)	15
2.1.4 Konsep Peruncitan	17
2.2 Sejarah Penubuhan UPSI dan Perkaitannya Dengan Premis-Premis Perniagaan Yang Terdapat Di Kawasan Sekitarnya	20
2.3 Model Graviti Reilley dan Model Huff	24
2.4 Sorotan Kajian Lepas	25
2.4.1 Kajian Peranan Universiti Terhadap Perniagaan	25
2.4.2 Pendapat Tokoh-Tokoh Lain & Sorotan Kajian Lepas Mengenai Perniagaan	30
2.5 Kesimpulan	37

BAB TIGA	METODOLOGI KAJIAN	38
3.0	Pengenalan	38
3.1	Lokasi Kajian	39
3.2	Kenal Pasti Isu dan Masalah	40
3.3	Keperluan Data dan Kaedah Pengumpulan Data	41
3.3.1	Keperluan Data	41
3.3.2	Kaedah Pengumpulan Data	41
3.3.3	Penganalisan Data	43
3.4	Analisis Data	45
3.4.1	Operasi <i>Centroid</i>	46
3.4.2	Operasi <i>Nearest Features</i>	46
3.4.3	Eksport Data <i>Nearfeat.avx</i> Kepada Perisian Microsoft Excel	46
3.5	Kesimpulan	47
BAB EMPAT	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	48
4.0	Pengenalan	48
4.1	Analisis Jenis Perniagaan Sekitar Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	49
4.2	4.2.1 Jenis Perniagaan Sekitar 100 Meter Dari Kampus UPSI	50
	4.2.2 Perniagaan Sekitar 101 Hingga 200 Meter Dari Kampus UPSI	55
	4.2.3 Perniagaan Sekitar 201 Hingga 600 Meter Dari Kampus UPSI	57
	4.2.4 Perniagaan Sekitar 601 Hingga 700 Meter Dari Kampus UPSI	61
	4.2.5 Perniagaan Sekitar 801 Hingga 900 Meter Dari Kampus UPSI	63
	4.2.6 Perniagaan Sekitar 901 Hingga 1,100 Meter Dari Kampus UPSI	65
	4.2.7 Perniagaan Sekitar 1,350 Hingga 1,500 Meter Dari Kampus UPSI	67
	4.2.8 Perniagaan Sekitar 1,501 Hingga 1,650 Meter Dari Kampus UPSI	68
	4.2.9 Perniagaan Sekitar 2,001 Hingga 2,100 Meter Dari Kampus UPSI	70
	4.2.10 Perniagaan Sekitar 2,400 Hingga 2,500 Meter Dari Kampus UPSI	71
	4.2.11 Perniagaan Sekitar 2,500 Hingga 3,100 Meter Dari Kampus UPSI	73
	4.2.12 Perniagaan Sekitar 6,400 Hingga 6,500 Meter Dari Kampus UPSI	74
	4.2.13 Perniagaan Sekitar 6,800 Hingga 7,000 Meter Dari Kampus UPSI	76
4.3	Kesimpulan	78
BAB LIMA	CADANGAN DAN KESIMPULAN	79
5.0	Pengenalan	79
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	80
5.2	Kemudahan Yang Disediakan Kepada Perniaga	82
	5.2.1 Penyediaan Kemudahan Latihan dan Teknikal	82
	5.2.2 Khidmat Nasihat dan Perundingan	83
	5.2.3 Pemasaran dan Penyelidikan Pasaran	84
5.3	Cadangan Di Masa Akan Datang	85
	5.3.1 Penyediaan Tempat Perniagaan	85

5.4	5.3.2 Penyediaan Kemudahan Infrastruktur	86
	Kesimpulan	86

	BIBLIOGRAFI	88
--	--------------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A: Nearest Features

Lampiran B: Gambar Foto: Perniagaan Di Bandar Tanjong Malim



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



viii
ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
3.1	Guna Tanah Di Tanjong Malim	39
4.1	Jumlah Keseluruhan Perniagaan Sekitar Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	49



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
1.1	Organisasi Penulisan Laporan	10
3.1	Peta Lokasi Kajian di Kawasan Tanjong Malim, Perak	40
3.2	Carta Aliran Metodologi Kajian	44
3.3	Operasi GIS Menggunakan <i>Nearest Features</i>	45
3.4	Hasil Paparan Menggunakan <i>Nearest Features</i>	47
4.1	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 100 Meter Dari Kampus UPSI	50
4.2	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 101 hingga 200 Meter Dari Kampus UPSI	55
4.3	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 201 hingga 600 Meter Dari Kampus UPSI	57
4.4	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 601 hingga 700 Meter Dari Kampus UPSI	61
4.5	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 801 hingga 900 Meter Dari Kampus UPSI	63
4.6	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 901 hingga 1,100 Meter Dari Kampus UPSI	65
4.7	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 1,350 hingga 1,500 Meter Dari Kampus UPSI	67
4.8	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 1,501 hingga 1,600 Meter Dari Kampus UPSI	68
4.9	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,001 hingga 2,100 Meter Dari Kampus UPSI	70
4.10	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,400 hingga 2,500 Meter Dari Kampus UPSI	71
4.11	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,500 hingga 3,100 Meter Dari Kampus UPSI	73
4.12	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 6,400 hingga 6,500 Meter Dari Kampus UPSI	74
4.13	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 6,800 hingga 7,000 Meter Dari Kampus UPSI	76

**DAFTAR SINGKATAN KATA**

ABM	Alat Bantu Mengajar
CBD	Central Business District
CCD	Central Commercial District
CD-ROM	Compact Disc Read Only Media
CIAST	Pusat Instruktur dan Latihan Kemahiran Lanjutan
CPU	Central Processing Unit
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
GIS	Geographic Information Systems
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KAB	Kolej Aminuddin Baki
KFC	Kentucky Fried Chicken
KPPT	Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan
KZ	Kolej Za'ba
LAN	Local Area Network
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MDTM	Majlis Daerah Tanjong Malim
MEDEC	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
NPC	Perbadanan Daya Produktiviti Negara
RAM	Random Access Memory
SIRIM	Institut Piawai Dan Penyelidikan Industri Malaysia
SITC	Sultan Idris Training College
SMG	Sistem Maklumat Geografi
UiTMPP	Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WAN	Wide Area Network





BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Sejak dua desawarsa yang lalu telah wujud pelbagai jenis universiti sama ada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Secara tradisi universiti adalah sebuah institusi untuk pendidikan tinggi yang merupakan pusat untuk pengajaran dan pembelajaran. Sebuah universiti yang baik haruslah berupaya untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan perkembangan intelek, cintakan ilmu, kebebasan bersuara dan meningkatkan pengumpulan ilmu menerusi pengalaman dan wacana. Universiti kini sudah menyerupai sebuah pasar terbuka untuk pertembungan pelbagai idea, pusat penyelidikan, pusat sukan serta sebuah tempat di mana mahasiswa mampu dalam menyuarakan ketidakpuasan dengan pemerintah.

Peranan universiti terus diperdebatkan oleh pelbagai pihak sehingga kini, namun apa yang nyata peranan universiti telah berubah. Tanpa kita sedari universiti juga telah memainkan peranan serta memberi impak yang positif terhadap pertumbuhan dalam mewujudkan pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya. Menurut Gaither (1994) perniagaan ialah aktiviti yang melibatkan pengguna dan orang ramai.



Selain itu, sektor perniagaan yang terdapat di sekitar sesebuah universiti juga memerlukan perancangan yang rapi iaitu dengan memahami keperluan pelajar. Ini kerana, menurut Mullin (2004) pasaran perniagaan yang terdapat di sekitar kawasan universiti memerlukan perhatian kepada kehendak dan keperluan para pelajar itu sendiri. Sebabnya, keperluan dan kehendak para pelajar adalah berkaitan dengan sesuatu barangan dan mempunyai harga yang mampu dimiliki. Selain itu, menurut beliau lagi, mereka yang berumur dalam lingkungan 20-an hanya memerlukan kedai yang menjual makanan dan buku. Di samping itu, barangan yang berharga rendah dan berada dalam keadaan baik merupakan ciri penting kepada pengguna. Ini memberi gambaran yang jelas bahawa peluang perniagaan yang wujud di sekitar sesebuah universiti adalah dipengaruhi oleh permintaan yang wujud daripada masyarakat universiti itu sendiri.

Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Labrianidis (1995) di Greece mendapati masyarakat universiti seperti pelajar dan kakitangan telah dikenal pasti sebagai penyumbang terbesar kepada perkembangan aktiviti perniagaan di tiga kawasan iaitu Mytilini, Komotini dan Rethomnon. Keadaan ini disebabkan aktiviti perniagaan di tiga kawasan yang dinyatakan menerima permintaan yang tinggi daripada masyarakat universiti terutamanya pelajar. Perbincangan dalam bahagian seterusnya akan menyentuh tentang latar belakang kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditubuhkan pada 1 Mei 1997 melalui Warta Kerajaan P.U.(A) 132 & 133, bertarikh 24 Februari 1997, di bawah dua buah Perintah iaitu Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997. UPSI mula beroperasi pada 2 Mei 1997 dengan pelajarnya seramai 350 orang yang terdiri daripada berbagai etnik. Dengan berbekalkan tenaga pengajar seramai 29 orang dan 6 orang kakitangan pentadbiran, UPSI terus membangun (<http://palapes.upsi.edu.my>). UPSI terletak di bandar Tanjong Malim lebih kurang 84 kilometer dari Kuala Lumpur melalui Lebuhraya Utara Selatan. UPSI adalah bersempadanan dengan negeri Selangor yang dipisahkan oleh Sungai Bernam manakala bandar Tanjong Malim pula berada dalam daerah Batang Padang di selatan negeri Perak. Pada dasarnya, Tanjong Malim terdiri daripada beberapa penempatan Melayu, Cina dan India. Dari segi bentuk muka buminya, Tanjong Malim adalah merupakan sebuah kawasan tanah bercerun landai dan dikelilingi oleh bukit bukau (Banjaran Titiwangsa) (Majlis Daerah Tanjong Malim, 2010).

Secara fizikalnya, negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 21,000 kilometer persegi. Negeri Perak mengalami cuaca panas dan lembap sepanjang tahun dengan kadar suhu antara 23.7 hingga 33.2 darjah Celcius dengan kelembapan melebihi 82.3 peratus serta menerima hujan sebanyak 3,218.00 milimeter setahun. Hampir separuh daripada keluasan negeri Perak diliputi oleh hutan dan 95.6 peratus adalah hutan khatulistiwa manakala selebihnya iaitu 4.4 peratus

merupakan Hutan Paya Bakau dengan jumlah keseluruhan hutan di negeri Perak adalah 10,713 kilometer persegi (Portal Kerajaan Negeri Perak, 2010).

Negeri Perak mempunyai strategi pembangunan sendiri terhadap setiap kawasannya seperti koridor pembangunan selatan merangkumi daerah Batang Padang dan Hilir Perak. Manakala di bahagian pembangunan koridor selatan ini termasuklah kawasan bandar Tanjong Malim, Slim River, sebahagian Daerah Hulu Bernam, Bidor dan Tapah (Rancangan Tempatan 2020 Batang Padang, 2007). Daerah Batang Padang mempunyai keluasan 2,712.0 kilometer persegi (12.91 peratus) termasuk Tanjong Malim.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Universiti berperanan penting dalam melahirkan generasi yang bermutu dan cendekiawan bijak pandai. Peranan universiti juga memberi pengaruh kepada sosio-ekonomi di sekitarnya. Masalah yang timbul akibat daripada pertambahan jumlah premis-premis perniagaan di kawasan yang berdekatan dengan kampus UPSI dengan wujudnya pertambahan permintaan di kalangan penduduk setempat dan juga pelajar yang menuntut di UPSI. Pelbagai masalah dan isu yang timbul dalam kajian ini iaitu hubungan antara peranan universiti dengan jenis perniagaan di kawasan sekitarnya. Ini kerana terdapat pelbagai jenis perniagaan yang wujud di sekitar kampus UPSI. Masalah ini timbul disebabkan oleh faktor jarak setiap jenis perniagaan dengan kampus UPSI. Selain itu juga, faktor permintaan dan penawaran daripada penuntut dan staf UPSI serta penduduk tempatan amnya mempengaruhi letakkan sesuatu jenis perniagaan. Faktor seperti jarak,

darjah ketersampaian, masa, kemudahan infrastruktur dan letakkan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI memainkan peranan penting kepada peniaga. Ini kerana jarak yang semakin meningkat dari kampus UPSI menunjukkan semakin berkurangnya premis-premis perniagaan, malah jarak yang dekat dan berhampiran dengan kampus pula menunjukkan banyak jenis perniagaan serta permintaan yang tinggi.

Oleh itu, sekiranya UPSI tidak wujud, maka tidak akan timbul pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan. Kehadiran pelajar yang menuntut di UPSI telah menjana perkembangan ekonomi kepada perniagaan dan penduduk di kawasan Tanjong Malim. Selain itu, masalah untuk mendapatkan data yang sesuai bagi proses pemetaan jenis-jenis perniagaan di sekitar kampus UPSI. Masalah ini timbul semasa mengaplikasikan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam proses pemetaan jenis-jenis perniagaan di sekitar kampus UPSI.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan isu yang diperkatakan di atas, persoalan yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan jumlah jenis-jenis perniagaan yang beroperasi di kawasan kajian disamping melihat faktor-faktor yang mendorong kepada taburan kepadatan jenis-jenis perniagaan yang ada di sekitar kampus UPSI. Disamping itu juga, persoalan yang timbul adalah kesan persaingan terhadap pelbagai jenis perniagaan kepada peniaga itu sendiri. Antara persoalan kajian adalah:

- i. Apakah jenis perniagaan yang wujud sekitar kampus UPSI?
- ii. Adakah jenis-jenis perniagaan ini berubah apabila jaraknya semakin meningkat dari kampus UPSI?
- iii. Apakah aplikasi yang sesuai digunakan dalam proses pemetaan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI?

1.4 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat

Kajian ini bermatlamat untuk memetakan jenis-jenis perniagaan yang boleh didapati sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI) menerusi aplikasi teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini mempunyai beberapa objektif dan ia adalah seperti berikut;

Objektif

- i. Untuk mendapatkan data yang sesuai bagi proses pemetaan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.
- ii. Untuk mengenal pasti peranan universiti dalam menentukan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.
- iii. Untuk mengaplikasikan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam proses pemetaan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, terdapat banyak kepentingan sama ada kepentingan terhadap individu mahupun kepada terhadap institusi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam sektor perniagaan ini. Antara kepentingan kajian ini ialah :

- i. Hasil kajian ini mampu dijadikan rujukan oleh institusi berkaitan sebagai panduan untuk menjalankan kajian pada masa akan datang.
- ii. Dapat membantu pengkaji memahami peranan universiti yang mampu mempengaruhi kegiatan aktiviti perniagaan di sesebuah kawasan.
- iii. Hasil kajian ini juga dapat memberi sedikit sebanyak kefahaman yang lebih jelas terhadap komuniti setempat mengenai faedah dan kesan yang timbul melalui aktiviti perniagaan di kawasan mereka.
- iv. Hasil kajian ini juga dapat memberi sedikit sebanyak maklumat kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan transformasi dapat dilakukan untuk meningkatkan struktur sosio-ekonomi dan pembangunan petempatan di kawasan terbabit terutama dalam aktiviti perniagaan.

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kawasan kajian yang terlibat adalah sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah iaitu melibatkan kawasan perniagaan di bandar Tanjong Malim, Taman Universiti, Taman Bernam, Bandar Proton, Malim Prima dan taman-taman perumahan di sekitar Tanjong Malim, Perak. Kawasan ini dipilih kerana ia merupakan kawasan pertempatan penduduk dan giat menjalankan pelbagai jenis aktiviti perniagaan kerana merupakan kawasan yang

sedang membangun dan maju berkembang dari segi prasarana perniagaannya di sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada jenis-jenis perniagaan di sekitar kampus UPSI dengan menggunakan aplikasi GIS. Disamping itu juga, melihat faktor-faktor dan kesan-kesan daripada jumlah setiap jenis perniagaan yang dipengaruhi oleh kedudukannya yang hampir dengan kampus UPSI. Kajian ini lebih menumpukan kepada data-data yang diperoleh melalui tinjauan dan pencerapan daripada kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji.

1.7 ORGANISASI PENULISAN LAPORAN

Organisasi penulisan laporan menjelaskan sedikit sebanyak tentang perkara yang berkaitan bab-bab yang akan dikemukakan oleh pengkaji. Organisasi penulisan laporan ini adalah dibuat mengikut susunan dan urutan bab-bab tertentu. Organisasi penulisan laporan ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Pengkaji telah mengorganisasikan penulisan laporan ini kepada lima bab yang utama iaitu terdiri daripada pengenalan, ulasan literatur, metodologi kajian, dapatan kajian dan bab yang terakhir ialah cadangan dan kesimpulan kajian. Kelima-lima bab ini mempunyai sub-sub tajuk dibawahnya.

Bab pertama mengandungi subtopik pengenalan, pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian serta organisasi laporan. Kesemua item-item ini menerangkan mengenai latar belakang kajian secara keseluruhan


serta menjelaskan mengapa kajian ini dilakukan dan apakah kepentingannya kepada pembaca.

Bab dua lebih menekankan mengenai definisi dan konsep, kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana dan juga cendekiawan bijak pandai dalam menghuraikan kandungan yang berkaitan dengan perniagaan dan sistem maklumat geografi (GIS). Melalui kaedah ini penyelidik akan dapat memperbaiki mutu kajian yang ingin dihasilkan berpanduan kelemahan-kelemahan kajian lepas. Justeru, isi kajian yang dihasilkan akan menjadi lebih mantap dan akademik.

Seterusnya, bab tiga pula menjelaskan tentang metodologi kajian. Dalam bab ini merangkumi beberapa subtopik yang signifikan sifatnya, antaranya adalah pengenalan, lokasi kajian, keperluan data dan kaedah pengumpulan data, teknik analisis data dan maklumat, aliran metodologi kajian, operasi GIS menggunakan *nearest fearture* dan seterusnya adalah kesimpulan bagi bab ini.

Manakala dalam bab empat menjelaskan mengenai dapatan kajian dan analisis data bagi menjawab objektif kajian. Analisis dijalankan bagi mengetahui faktor dan kesan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI yang memainkan peranan penting kepada peniaga dan ini memberi kesan terhadap keuntungan setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan kajian.

Akhir sekali bab lima menerangkan berkaitan perbincangan dan kesimpulan hasil dapatan kajian yang dijalankan. Membuat rumusan keseluruhan kajian dan cadangan untuk kajian akan datang.



Rajah 1.1: Organisasi Penulisan Laporan

